



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : hasar@moh.gov.my

Ruj. Kami : Bil. (15) KKM/62/BPKK(N)/NPA-d

Tarikh : 27 Januari 2012

Semua Setiausaha Bahagian
Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan
Semua Pengarah Institusi Kesihatan
Semua Pengarah Hospital

YBhg. Datuk/ Dato'/ To' Puan/ Tuan/ Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.3/2012

**PELAKSANAAN PENYAJIAN HIDANGAN SIHAT SEMASA MESYUARAT DI
FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

1. TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa semua fasiliti kesihatan KKM dikehendaki melaksanakan Penyajian Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat dan Majlis Rasmi. Matlamat pelaksanaan ini adalah untuk menggalakkan amalan makan secara sihat dan menyediakan pilihan makanan yang lebih sihat kepada ahli-ahli mesyuarat.

2. LATAR BELAKANG

Hasil Tinjauan Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan (NHMS) di kalangan penduduk dewasa berumur 18 tahun dan ke atas menunjukkan prevalen berlebihan berat badan (*Body Mass Index* (BMI) ≥ 25 kg/m²) telah meningkat daripada 16.6% (NHMS 1996) dan 29.1% (NHMS 2006) kepada 29.4% (NHMS 2011). Sementara itu, prevalen obesiti (BMI ≥ 30 kg/m²) juga meningkat dari 4.4% (NHMS 1996) dan 14.0% (NHMS 2006) kepada 15.1% (NHMS 2011).

Berat badan berlebihan dan obesiti merupakan faktor risiko bagi pelbagai penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung, darah tinggi, diabetes dan sesetengah kanser. Peratus penghidap darah tinggi meningkat daripada 20.7% (NHMS 1996) dan 32.2% (NHMS 2006) kepada 32.7% (NHMS 2011). Prevalen diabetes di kalangan dewasa berumur 30 tahun ke atas juga telah meningkat daripada 14.9% (NHMS 2006) kepada 20.8% (NHMS 2011).

3. PANDUAN PELAKSANAAN PENYAJIAN HIDANGAN SIHAT SEMASA MESYUARAT DAN MAJLIS RASMI DI FASILITI KESIHATAN KKM

Pelaksanaan ini merujuk kepada **Panduan Pelaksanaan Penyajian Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat** yang boleh dimuat turun dari laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (www.moh.gov.my). Ini adalah terpakai di semua fasiliti kesihatan KKM yang menyediakan hidangan makanan dan minuman untuk mesyuarat dan majlis rasmi.

Pelaksanaan ini meliputi komponen berikut:

3.1 Perakuan katerer yang layak memberi perkhidmatan sajian kepada syarikat katering yang memenuhi syarat-syarat berikut:

3.1.1 Markah pemeriksaan premis adalah melebihi 75%.

3.1.2 Kesemua pekerja syarikat mempunyai:

- a) Sijil Pengendali Makanan (dikeluarkan oleh Sekolah Latihan Pengendali Makanan yang diiktiraf Kementerian Kesihatan Malaysia).
- b) Sijil Vaksinasi/ Tifoid.
- c) Sijil Latihan Katering Sihat.

3.2 Pelantikan Penyelia Bahagian/ Unit bagi memastikan urusan penyajian hidangan yang sihat semasa mesyuarat berjalan lancar.

3.3 Pelabelan maklumat kandungan kalori makanan dan minuman yang dihidangkan semasa mesyuarat mengikut jenis hidangan.

3.4 Pemantauan perkhidmatan sajian dengan menggunakan borang penilaian Penyajian Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat oleh Katerer (seperti yang terdapat pada **Panduan Pelaksanaan Penyajian Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia** yang boleh dimuat turun dari laman sesawang: www.moh.gov.my).

4. TANGGUNGJAWAB PENGARAH

Pengarah Institusi Kesihatan, Pengarah Hospital dan Pegawai Kesihatan Daerah bertanggungjawab melaksanakan Surat Pekeliling ini.

5. PELAKSANAAN

Pelaksanaan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.


6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan yang berkaitan hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Pengarah
Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 7, Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P. Putrajaya

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,



(DATO' SRI DR HASAN BIN ABDUL RAHMAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k.:

- Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
- Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
- Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
- Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)
- Pengarah Kanan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
- Setiausaha Sulit Kanan YB. Menteri Kesihatan
- Setiausaha Sulit Kanan YB. Timbalan Menteri Kesihatan